

4

#### Siapakah yang akan membayar ganti rugi yang dituntut?

Di Malaysia, perlindungan insurans yang minimum ialah perlindungan insurans pihak ketiga.

Dalam subseksyen 96 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] telah ditetapkan bahawa dalam tuntutan untuk ganti rugi yang melibatkan kecederaan sahaja yang perlu dibayar oleh syarikat insurans yang melindungi kenderaan terlibat.

Sekiranya kenderaan yang menyebabkan kemalangan tersebut tidak dilindungi oleh insurans, tuan punya kenderaan dan pemandunya sendiri akan bertanggungjawab untuk membayar tuntutan ganti rugi. Oleh yang demikian, dapat dilihat betapa pentingnya insurans dibeli untuk kenderaan.

Dalam tuntutan yang tidak melibatkan kecederaan, pihak insurans tidak dimestikan untuk membayar pihak yang menuntut. Walau bagaimanapun, orang yang kena tuntut boleh membuat permohonan kepada mahkamah untuk membawa pihak insurans sebagai pihak ketiga untuk memaksa pihak insurans membayar jumlah yang dituntut. Ini terpulanglah kepada pihak mahkamah.

#### Apakah dokumen yang perlu dibawa bersama ke Jabatan ini?

Dokumen yang perlu dibawa bersama-sama ketika hadir ke Jabatan Bantuan Guaman adalah seperti yang berikut:

- (a) laporan polis pihak-pihak yang terlibat;
- (b) gambar kenderaan/pihak yang terlibat;
- (c) rajah kasar tempat kemalangan daripada pihak polis;
- (d) laporan/bil-bil kerosakan kenderaan yang terlibat;
- (e) bil ubat-ubatan/surat cuti sakit;
- (f) jika kemalangan yang melibatkan kematian – sijil kematian dan laporan perubatan/autopsi (jika ada); dan
- (g) resit lain yang berkaitan.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

##### IBU PEJABAT

**JABATAN BANTUAN GUAMAN  
ARAS 1, BANGUNAN HAL EHWAL  
UNDANG-UNDANG  
PRESINT 3, PUSAT PENTADBIRAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62692 PUTRAJAYA**

**NO. TELEFON : 03-88851000**

**NO. FAKSIMILE : 03-88851829/1830/1831**

**LAMAN WEB : [www.jbg.gov.my](http://www.jbg.gov.my)**

**SMS : Taip JBG MENU dan hantar ke 15888**

##### CATATAN:

RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

WJD005527—PNMB., K.L.

# TUNTUTAN GANTI RUGI BAGI KES KEMALANGAN JALAN RAYA



Diterbitkan oleh  
**JABATAN BANTUAN GUAMAN**

## 1 Apakah tindakan yang perlu diambil selepas kemalangan berlaku?

Tindakan yang perlu diambil selepas kemalangan berlaku adalah seperti yang berikut:

- (a) membuat laporan polis (dalam tempoh 24 jam dari masa kejadian) dan dapatkan salinan laporan tersebut;
- (b) menjalani rawatan perubatan di klinik/hospital, jika mengalami kecederaan. Kemudian dapatkan sesalinan laporan perubatan tersebut;
- (c) jika melibatkan kematian, dapatkan sijil kematian;
- (d) maklumkan pihak insurans dengan segera; dan
- (e) dapatkan semua resit perbelanjaan yang telah dibayar –
  - untuk mendapatkan laporan polis;
  - untuk mendapatkan rawatan;
  - untuk memperbaiki kenderaan; dan
  - perbelanjaan lain akibat daripada kemalangan.

## 2 Apakah jenis tuntutan yang boleh dibuat?

Terdapat tiga (3) jenis tuntutan yang boleh dibuat dalam sesuatu kemalangan. Jenis tuntutan akan bergantung pada sama ada ia merupakan kemalangan maut, kecederaan atau kerosakan kenderaan.

### A. Kemalangan maut

- (a) Ini ialah suatu tuntutan yang boleh diambil oleh isteri, suami, ibu bapa atau anak si mati yang telah kehilangan tanggungan akibat kematian si mati dalam kemalangan. Perkiraan jumlah tuntutan terdapat dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67]. Pada lazimnya, faktor yang diambil kira dalam menentukan jumlah tuntutan ialah –
  - umur si mati;
  - baru kahwin/tidak berkahwin; dan
  - jumlah pemberian si mati kepada keluarga.
- (b) Selain tuntutan yang tersebut di atas, keluarga si mati juga boleh menuntut tuntutan untuk kedukacitaan (bereavement) sejumlah RM 10,000.00. Tuntutan ini hanya boleh dibuat sekiranya –
  - si mati berusia 18 tahun ke atas dan berkahwin (suami/isteri);
  - si mati berusia di bawah 18 tahun dan tidak berkahwin (ibu/bapa sahaja); dan
  - si mati berusia 18 tahun dan ke atas dan tidak berkahwin (tidak boleh dituntut).
- (c) Tuntutan harta pusaka
  - Tuntutan ini boleh diambil oleh pentadbir harta pusaka si mati selepas semua prosedurnya telah dilikuti. Tuntutan yang boleh dibuat oleh pentadbir harta pusaka ialah –
    - (i) kerugian untuk kesakitan dan penderitaan jika si mati tidak mati sebaik sahaja kemalangan berlaku;

- (ii) perbelanjaan untuk pengkebumian si mati;
- (iii) kos untuk mendapatkan surat kuasa berhubung dengan harta pusaka; dan
- (iv) kos atau perbelanjaan untuk menjaga si mati sebelum kematianya.

### B. Tuntutan untuk kecederaan

Untuk kes-kes yang orang terlibat telah mengalami kecederaan, mahkamah akan memutuskan jumlah tuntutan yang patut diberikan. Terdapat 2 jenis tuntutan untuk kecederaan –

- (a) Ganti rugi am
- Ganti rugi ini akan ditaksirkan oleh mahkamah yang akan berpandukan kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah pada masa yang lalu berhubung dengan jumlah ganti rugi yang patut diberikan untuk kecederaan tertentu. Jumlah ganti rugi adalah diberikan atas dasar bahawa Pihak Menuntut telah mengalami kesakitan dan penderitaan. Terdapat misalnya keputusan mahkamah yang terdahulu tentang ganti rugi kecederaan di kaki, muka, tangan, mata dan sebagainya yang boleh dibuat rujukan dalam laporan kes-kes mahkamah.
- (b) Ganti rugi khas
- Ganti rugi ini diberikan atas perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Menuntut oleh sebab kemalangan. Pihak Menuntut perlu dapatkan resit bagi membuktikan perbelanjaan yang telah dikeluarkan.
- Contoh:
- perbelanjaan untuk perubatan dan rawatan;

- kehilangan pakaian dan barang; dan
- pembayaran untuk laporan polis, perubatan dan lain-lain.

## C. Tuntutan untuk kerosakan kenderaan

Dalam kes yang kenderaan terlibat telah mengalami kerosakan dan perlu dibaiki, tuntutan yang boleh dituntut ialah –

- (a) kos atau belanja membaiki kenderaan yang rosak;
- (b) kehilangan penggunaan kenderaan untuk jangka masa yang munasabah; dan
- (c) jumlah kemerosotan nilai harta kenderaan.

Dalam tuntutan di bawah perenggan (a) dan (b) di atas, perlu dikemukakan resit perbelanjaan, jika ada, bagi membuktikannya di mahkamah.

## 3 Bilakah tuntutan boleh dibuat?

Tuntutan ganti rugi **HENDAKLAH** dibuat dalam tempoh masa yang telah ditetapkan oleh undang-undang di bawah Akta Had Masa 1953 [Akta 254] dan Akta Undang-Undang Sivil 1956. Jika melebihi tempoh yang ditetapkan, maka tuntutan ganti rugi tidak boleh lagi dibuat. Tempoh masa tersebut ialah –

- (a) **jika tidak melibatkan kematian** – 6 tahun dari tarikh kemalangan;
- (b) **jika melibatkan kematian** – 3 tahun dari tarikh kemalangan (kes boleh dibuat dan dituntut melalui wakil si mati/pentadbir harta pusaka si mati);
- (c) **jika melibatkan pihak Kerajaan** – 3 tahun dari tarikh kemalangan.